



MERIAH: Anak yatim Rumah Bakti Nur Syaheera ceria bergambar kenangan bersama artis.

ARTIS LAYAN ANAK YATIM NUR SYAHEERA

Teks & foto: ZAINI ZAA
hellolly@yahoo.com

ANAK-ANAK yatim Rumah Bakti Nur Syaheera, Taman Jaya Baru, Cheras ceria menyambut kunjungan beberapa artis seperti anggota kumpulan Cherita, penyanyi Nazira, adik Adiba Idola Kecil dan kru promosi yang diketuai Hatta Sanie.

Bagi trio Cherita yang muncul dengan lagu single berjudul Lagu Cinta Kita dan Melodi Cinta, menyifatkan kunjungan pertama mereka ke sini,

sangat bermakna.

Selain dapat meluangkan masa melayani 30 anak yatim dengan jamuan makan tengah hari, Cherita yang dianggotai Eddy Cherita, Mell Sham dan Nomad menghiburkan anak-anak yatim dengan persembahan mereka yang dikendalikan oleh deejay Asim Ohtman.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Nur Syaheera Kuala Lumpur, Johari Haji Basri, yang meraikan kedatangan trio



TERUJA: Kumpulan Cherita hiburan anak yatim.



JOHARI: Terima kasih.

ini, melahirkan kesyukuran kerana ramai artis hari ini bijak meluangkan masa mereka dengan mengunjungi rumah anak-anak yatim di sekitar Lembah Kelang.

"Saya bersyukur kerana Rumah Bakti Nur Syaheera menjadi pilihan Cherita pada hujung minggu. Sambil menghibur dapat juga beramah mesra dan mengenali antara satu sama lain.

"Lagipun anak-anak yatim di sini memerlukan perhatian dan kasih sayang

daripada semula golongan masyarakat," kata Johari, yang juga pengasas Rumah Bakti Nur Syaheera.

Bagi penyanyi baru, Nazira kesempatan meluangkan masa berada di Rumah Bakti Nur Syaheera meninggalkan kesan dan berharap dapat berkunjung lagi ke sini.

"Saya sangat seronok jumpa adik-adik di sini. Mereka peramah dan terhibur dengan persembahan kami. Kalau ada kesempatan, ingin datang ke sini lagi," kata Nazira yang kini tampil dengan lagu single Sebelum Aku Pergi.

Turut hadir di majlis ini, Pengarah Urusan Azaxaxa, penderaf Café 99, Ashraaf yang turut memberi sumbangan dan berjanji membantu dana untuk aktiviti anak-anak yatim di sini termasuk mengadakan program berbuka puasa, sempena Ramadan ini.

Rumah Bakti Nur Syaheera yang terletak di No 23, Jalan Jaya Baru 3, Taman Jaya Baru, Cheras, kini sudah berusia dua tahun menempatkan anak-anak yang berusia enam tahun hingga 14 tahun, dari sekitar Lembah Kelang.

Individu atau syarikat korporat yang ingin menyumbang dana khususnya pakaian raya sempena kedatangan Aidilfitri kepada Rumah Bakti Nur Syaheera boleh berbuat demikian dengan menghubungi menerusi talian 03-91004074.